



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

21-12-81

Jil. 25  
No. 15

23hb Julai 1981

TAMBAHAN No. 46  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 213.**

**AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

**PERINTAH AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 1981**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 9 (g) dan 14 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Menteri membuat Perintah yang berikut: Akta 246.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 1981.** Nama.

2. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 adalah dipinda dengan menggantikan Jadual dengan yang berikut: Pindaan kepada Jadual. Akta 246.

|                      |        |      |
|----------------------|--------|------|
| “                    | JADUAL |      |
| (i) <i>Fee Lesen</i> | ... .. | \$25 |

(ii) *Bon*

|                               |         |
|-------------------------------|---------|
| (i) <i>Pekerjaan Tempatan</i> |         |
| Bon tunai                     | \$1,000 |
| Bon Jaminan                   | \$5,000 |

|                                   |          |
|-----------------------------------|----------|
| (ii) <i>Pekerjaan luar negeri</i> |          |
| Bon tunai                         | \$5,000  |
| Bon Jaminan                       | \$10,000 |

(iii) *Fee Pendaftaran*

(i) Fee yang dikenakan bagi pendaftaran semua kategori pekerjaan tempatan, pendaftaran hendaklah sah bagi berbagai pekerjaan dan bagi tempoh selama 12 bulan ...

Tidak lebih daripada \$12

(ii) Fee yang dikenakan bagi pendaftaran semua kategori pekerjaan luar negeri, pendaftaran yang sah bagi berbagai pekerjaan ... .. Tidak lebih daripada \$20

(iv) *Fee Penempatan*

(i) Fee yang dikenakan bagi penempatan tempatan ... .. Tidak lebih daripada 20% gaji bulan permulaan

(ii) Fee yang dikenakan bagi penempatan luar negeri ... .. Tidak lebih daripada 25% gaji bulan permulaan

Dengan syarat bahawa jika majikan-majikan telah membayar kepada agensi bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi, pekerjaan itu tidak akan dikenakan apa-apa bayaran semasa penempatan.

Diperbuat pada 13hb Julai 1981.

[KB&TR. Sulit 32/1/2/6/17; PN. (PU<sup>2</sup>) 382.]

DATO' RICHARD HO UNG HUN,  
*Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat*

PRIVATE EMPLOYMENT AGENCIES ACT 1981

PRIVATE EMPLOYMENT AGENCIES (AMENDMENT) ORDER 1981

In exercise of the powers conferred by sections 9 (g) and 14 of the Private Employment Agencies Act 1981, the Minister makes the following Order:

Act 246.

Citation.

1. This Order may be cited as the **Private Employment Agencies (Amendment) Order 1981**.

Amendment to the Schedule. Act 246.

2. The Private Employment Agencies Act 1981 is amended by substituting the Schedule with the following:

“

SCHEDULE

(i) *Licence Fee* ... .. \$25

(ii) *Bond*

(i) *Local Employment*

Cash Bond ... .. \$1,000

Surety Bond ... .. \$5,000

(ii) *Overseas Employment*

Cash Bond ... .. \$5,000

Surety Bond ... .. \$10,000

(iii) *Registration Fees*

(i) Fee charged for registration of all categories of local employment, the registration to be valid for multiple employment and for a period of 12 months ... .. Not more than \$12

(ii) Fee charged for registration of all categories of overseas employment, the registration to be valid for multiple employment ... .. Not more than \$20

(iv) *Placement Fees*

(i) Fee charged for local placement ... .. Not more than 20% of initial month's pay

(ii) Fee charged for overseas placement ... .. Not more than 25% of initial month's pay

Provided where employers have already paid the agency for the services rendered, the worker shall not be charged on placement.

Made the 13th July 1981.

[KB&TR. Sulit 32/1/2/6/17; PN. (PU<sup>2</sup>) 382.]

DATO' RICHARD HO UNG HUN,  
*Minister of Labour and Manpower*

**P.U. (A) 214.****AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981****PERATURAN-PERATURAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 27 Akta *Akta 246.*  
Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Menteri membuat Peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Agensi Pekerjaan Swasta 1981** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Ogos 1981. *Nama dan mula berkuatkuasa.*

2. (1) Sesuatu permohonan untuk mengeluarkan lesen di bawah seksyen 8 (1) Akta itu hendaklah dalam Borang 1 yang ditetapkan kepada Jadual dan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah. *Permohonan untuk mengeluarkan atau membaharui lesen.*

(2) Sesuatu permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam Borang 2 kepada Jadual sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh habis tempoh.